

## GAJET ANTARA MADU ATAU RACUN

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah *Subhanahu wa-Taala* di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*

Kehidupan kita pada hari ini dipenuhi dengan alat-alat teknologi. Pada zaman yang semakin maju dan serba canggih ini, kita perlu menggunakan alat-alat teknologi kerana ia mempunyai kebaikannya yang tersendiri. Agak janggal sekiranya seseorang itu menolak untuk menggunakan alat-alat teknologi terkini misalnya penggunaan telefon bimbit, komputer, tablet dan lain-lain.

Sebahagian ibu bapa sanggup membelikan gajet seperti tablet, telefon pintar dan sebagainya kepada anak-anak mereka kerana tidak mahu dianggap ketinggalan zaman. Ada yang menjadikannya sebagai hadiah meraikan hari lahir anak-anak mereka atau kejayaan dalam peperiksaan serta

pelbagai tujuan yang lain. Tidak kurang juga yang menjadikan gajet sebagai teman bermain anak-anak kecil agar ibu bapa dapat melakukan kerja-kerja mereka dengan tenang tanpa gangguan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Kebanyakan kanak-kanak dan sebahagian daripada remaja sekolah menggunakan gajet untuk tujuan bermain ‘*game*’ dengan membuang masa begitu sahaja dan mengabaikan kerja-kerja sekolah. Mereka sanggup berjaga larut malam yang akhirnya menyebabkan mereka mengantuk dalam kelas dan tidak dapat memberi tumpuan kepada pelajaran. Terdapat juga mereka yang ponteng sekolah kerana mengantuk dan keletihan disebabkan gajet.

Perkara yang lebih membimbangkan kita ialah terdapat sebahagian daripada mereka yang menjadikan gajet untuk menjalinkan hubungan songsang antara lelaki dengan perempuan seperti memuat turun dan memuat naik gambar-gambar yang menghairahkan dan akhirnya terjebak melakukan hubungan sulit yang terlarang.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Penyalahgunaan gajet ini tidak hanya melibatkan golongan kanak-kanak dan remaja sahaja, malah ia turut melibatkan golongan dewasa. Ada daripada kalangan mereka yang bermain gajet tidak mengira masa dan tempat. Terdapat dalam kalangan penjawat awam mahu pun swasta yang berjam-jam bermain gajet dan melayari laman sosial seperti facebook dan lain-lain pada waktu bekerja di pejabat sehingga menyebabkan kerja-kerja

terabai. Ada juga yang sibuk melayan panggilan telefon bimbit mereka, sedangkan dia sedang berurusan dengan pelanggan di kaunter.

Ada pula yang menggunakannya dalam keadaan berbahaya seperti ketika melintas jalan raya, ketika memandu kenderaan, ketika menuruni dan menaiki tangga di pusat-pusat membeli belah yang kadang-kadang menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya, terjatuh daripada tangga, mencederakan orang lain dan sebagainya. Tidak kurang juga ada pasangan suami isteri dan ahli keluarga menjadi porak peranda disebabkan angkara gajet. Al-Quran menyuruh kita supaya menggunakan harta bagi tujuan kebaikan dan melarang kita daripada mendedahkan diri kepada perkara-perkara yang boleh membinasakan sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Baqarah ayat 195.

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

الْمُحْسِنِينَ

Yang bermaksud: *Dan nafkahkanlah (apa yang ada pada kamu) kerana menegakkan agama Allah. Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang yang berbuat baik.*

Apa yang lebih malang ialah kedatangan juga umat Islam sendiri yang bermain gajet di masjid ketika khatib menyampaikan khutbah Jumaat sedangkan mendengarnya merupakan syarat sah solat fardhu tersebut. Ada juga yang tidak mahu berwirid, berzikir dan berdoa selepas solat kerana tergesa-gesa untuk mendapatkan gajet mereka sedangkan selepas solat itulah waktu yang terbaik untuk berzikir dan berdoa.

Di samping itu juga, ada yang menggunakan gajet untuk menyebarkan sesuatu berita yang belum pasti kebenarannya. Lalu tersebarlah perkhabaran tersebut ke segenap tempat dan terus dipercayai tanpa sebarang syak wasangka. Perkhabaran seperti ini boleh mengundang fitnah, perselisihan, permusuhan dan perpecahan. Selain itu, gajet juga boleh merengggangkan hubungan kasih sayang antara ahli keluarga dan sahabat handai. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan umat Islam melalui hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad Ibnu Hanbal:

شِرَارُ عِبَادِ اللَّهِ الْمَشَاءُونَ بِالنَّمِيمَةِ الْمُفْرَقُونَ بَيْنَ الْأَحِبَّةِ الْبَاغُونَ الْبُرَاءَ الْعَنَتَ

Yang bermaksud: *“Sekeji-keji manusia ialah mereka yang berjalan menabur fitnah, mereka yang melaga-lagakan di antara insan yang berkasih sayang dan mereka yang mencari-cari kesalahan terhadap orang yang tidak bersalah.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Kita tidak menafikan bahawa sistem teknologi dan kecanggihan peralatannya mempunyai banyak kebaikan seperti memudahkan urusan komunikasi, menyiapkan tugas, sebagai alat pembelajaran atau penghantaran dokumen secara pantas. Yang pentingnya, semua pihak sama ada ibu bapa, ketua keluarga, guru sekolah mahu pun seorang majikan hendaklah sentiasa memantau dan memperingatkan orang yang di bawah jagaan mereka agar menggunakan alat-alat teknologi seperti ini untuk tujuan kebaikan dan tidak menggunakannya kepada perkara yang sia-sia dan melalaikan lebih-lebih lagi kepada perkara yang membawa kepada dosa.

Marilah kita sama-sama merenungi firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Tahrim ayat 6:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu. Penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلِكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلِكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.